

Pembangunan Modul Asside Dengan Pendekatan *I-Bulugu* Bagi Meningkatkan Pencapaian Karangan Tidak Berformat: Satu Analisis Keperluan

Development of the ASSIDE Module Based on the I-BULUGU Approach to Improve Achievement in Unformatted Essay Writing: A Needs Analysis Study

Marbella Justine, Julita Norjieta Taisin*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: norjieta@fbk.upsi.edu.my

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 02 Disember 2025

Disemak: 20 Februari 2026

Diterima: 30 Mac 2026

Diterbitkan: 23 April 2026

KATA KUNCI

Modul ASSIDE

Esei Tidak Berformat

I-Bulugu

ABSTRAK - Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan Modul ASSIDE, iaitu modul PdP berasaskan tindakan Model ASSURE dan SIDEK bagi meningkatkan pencapaian karangan tidak berformat Bahasa Kadazandusun tahun enam. Masalah murid dalam menjana dan mengembangkan idea secara sistematik serta kurang memahami struktur karangan yang lengkap, kekurangan BBB interaktif menyukarkan murid menghasilkan karangan berkualiti, menyumbang kepada pencapaian rendah dalam ujian penulisan. Modul ini menerapkan inovasi peta pemikiran iaitu *I-Bulugu* (Interaktif Bulatan). Reka bentuk kuantitatif digunakan melibatkan 120 murid tahun enam dan 90 guru Bahasa Kadazandusun dari daerah Keningau, Tambunan dan Tenom melalui persampelan rawak mudah. Analisis data kuantitatif menggunakan statistik diskriptif peratus, min dan sisihan piawai. Hasil analisis keperluan melalui soal selidik tahap kesukaran kemahiran bahasa menunjukkan kemahiran menulis SK. 3.3 iaitu menghasilkan penulisan tidak berformat adalah kemahiran yang paling sukar dalam Bahasa Kadazandusun Tahun Enam iaitu nilai min guru 4.51 dengan SP= 0.503 dan nilai min murid 4.57 dengan SP= 0.498. Manakala, bagi soal selidik maklum balas PdP penulisan karangan tidak berformat, min bagi konstruk perasaan terhadap aktiviti menulis ialah 3.585, konstruk kefahaman struktur karangan dan pengolahan ialah 2.90, seterusnya min bagi konstruk KBAT ialah 2.484 dan min bagi konstruk keyakinan terhadap penggunaan BBB ialah 3.823. Ujian penulisan karangan tidak berformat telah disemak, jelas menunjukkan majoriti murid (90%) mempunyai tahap penguasaan yang sangat terhad. Implikasi analisis keperluan jelas menunjukkan pembangunan Modul ASSIDE amat diperlukan bagi meningkatkan pencapaian karangan tidak berformat, menyokong PdP digital berasaskan TMK dan inovasi pendidikan.

ABSTRACT - This study was conducted to identify the need for developing the ASSIDE Module, a teaching and learning module integrating the ASSURE and SIDEK models, aimed at improving Year Six students' achievement in unformatted essay writing in the Kadazandusun language. Students' difficulties in generating and developing ideas, limited understanding of essay structure, and the lack of interactive teaching aids have hindered their ability to produce quality essays, contributing to low performance in writing assessments. In response, the proposed module incorporates

an innovative thinking map known as I-Bulugu (Interactive Circle) to support idea organisation and essay development. A quantitative research design was employed, involving 120 Year Six students and 90 Kadazandusun language teachers from the districts of Keningau, Tambunan, and Tenom. Respondents were selected through simple random sampling. Quantitative data were analysed using descriptive statistics, including percentages, means, and standard deviations. Findings from the need's analysis questionnaire indicated that writing skill Standard Content 3.3, namely unformatted writing, was the most difficult skill in Year Six Kadazandusun language learning. Teachers reported a mean score of 4.51 (SD = 0.503), while students reported a mean score of 4.57 (SD = 0.498). Furthermore, results from the questionnaire on teaching and learning of unformatted essay writing showed that the mean score for the affective construct towards writing activities was 3.585. The construct of understanding essay structure recorded a mean score of 2.90, higher-order thinking skills (HOTS) recorded 2.484, and confidence in using teaching aids recorded 3.823. Analysis of the unformatted essay writing test showed that 90% of students demonstrated a very limited level of mastery. Overall, the findings indicate that the development of the ASSIDE Module is necessary to enhance achievement in unformatted essay writing and to support ICT-based digital teaching and learning and educational innovation.

Keywords: ASSIDE Module, Unformatted Essay, I-Bulugu

PENGENALAN

Bahasa merupakan nadi identiti sesuatu bangsa serta wadah utama yang menzahirkan budaya, nilai, dan pemikiran masyarakat. Dalam konteks masyarakat Kadazandusun, bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi simbol jati diri dan warisan yang mencerminkan keunikan tamadun etnik tersebut. Justeru, pemeliharaan dan pengajaran Bahasa Kadazandusun dalam sistem pendidikan formal menjadi langkah penting bagi memastikan kesinambungan warisan linguistik dan budaya ini terus terpelihara (Norjietta, 2012; Marbella & Norjietta, 2019). Perisytiharan Bahasa Kadazandusun pada tahun 1995 oleh *Kadazan Dusun Cultural Association* (KDCA) dan *United Sabah Dusun Association* (USDA) memperkukuh usaha memperluas penggunaan bahasa ini, seiring dengan hasrat memperkenalkannya di peringkat nasional dan antarabangsa (Linah & Jane, 2023). Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK, 1988), pendidikan bahasa etnik seperti Bahasa Kadazandusun berperanan membentuk insan seimbang yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berakar pada nilai budaya bangsa sendiri. Bahasa Kadazandusun mula diperkenalkan secara rasmi dalam kurikulum sekolah rendah pada tahun 1997 dan diperluas ke peringkat menengah pada tahun 2005 (Linah, Bilcher & Jane, 2021). Namun, selepas hampir tiga dekad pelaksanaan, pelbagai laporan dan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa ini, khususnya dalam kemahiran menulis karangan tidak berformat, masih rendah (Norjietta, 2012). Murid menghadapi cabaran dalam menjana idea, menyusun isi dengan kohesi yang baik, serta menggunakan struktur ayat yang gramatis (Citra, 2024). Selain itu, kekurangan bahan bantu belajar (BBB) interaktif dan kurangnya strategi pengajaran yang berasaskan teknologi turut membantutkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Keadaan ini menimbulkan keperluan mendesak untuk membangunkan pendekatan pengajaran yang inovatif, kontekstual dan selaras dengan keperluan semasa.

Dalam arus Revolusi Industri 4.0, pendidikan kini menuntut integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara efektif dalam PdP. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Strategik Pendidikan 2024-2030 menekankan teras memperkukuh pendidikan digital bagi meningkatkan keberhasilan murid abad ke-21 (KPM, 2023). Oleh itu, usaha membangunkan modul pembelajaran yang berasaskan teknologi dan reka bentuk pengajaran sistematik amat penting dalam konteks bahasa etnik. Modul ASSIDE (*Analyze Learner, State Objective, Select and Utilized Method, Media and Materials, Implement the Lesson, Develop Engagement, Evaluate and Revise*) dibangunkan oleh pengkaji untuk memenuhi keperluan tersebut. Modul ini mengaplikasikan pendekatan pedagogi Strategi ORBIT (adaptasi daripada Modul Konstruktivisme Lima Fasa Needham). Melalui pendekatan ini teori pembelajaran kognitif, konstruktivisme dan behaviorisme dapat diterapkan semasa proses PdP Bahasa Kadazandusun. Tambahan pula, modul ini mengintegrasikan pendekatan *I-Bulugu*, iaitu inovasi peta pemikiran i-THINK (KPM, 2014), yang disesuaikan dengan konteks budaya

dan linguistik Kadazandusun. Pendekatan ini bertujuan merangsang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), membantu murid membina struktur idea secara visual dan sistematik, serta meningkatkan keupayaan mereka menulis karangan tidak berformat dengan lebih tersusun dan kreatif. Melalui penggabungan reka bentuk Modul ASSIDE dengan I-Bulugu, proses PdP Bahasa Kadazandusun dijangka menjadi lebih interaktif, menarik dan berkesan. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi menganalisis keperluan pembangunan Modul ASSIDE dengan pendekatan *I-Bulugu* dalam konteks pengajaran Bahasa Kadazandusun Tahun Enam. Analisis keperluan ini penting bagi mengenal pasti jurang antara keperluan sebenar di bilik darjah dengan amalan pengajaran sedia ada, seterusnya menyediakan asas kukuh bagi pembangunan modul yang relevan, praktikal dan berkesan. Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada peningkatan mutu PdP Bahasa Kadazandusun serta memperkukuh usaha pemeraksanaan bahasa ibunda selaras dengan dasar FPK (1988).

PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Kadazandusun telah diperkenalkan secara rasmi di sekolah rendah sejak tahun 1997 melalui dasar *Pupil's Own Language* (POL) yang menekankan penggunaan bahasa ibunda dalam proses PdP. Walau bagaimanapun, selepas hampir tiga dekad pelaksanaannya, penguasaan murid terhadap kemahiran menulis karangan tidak berformat masih berada pada tahap yang membimbangkan (Lydia & Khairul, 2022). Kelemahan utama dikenal pasti terletak pada aspek menjana, mengembangkan, serta mengorganisasi idea dengan berkesan (Fong & Saidatul, 2023). Pendekatan pengajaran konvensional yang berpusatkan guru dan berorientasikan hafalan menyebabkan murid kurang berupaya berfikir secara kritikal dan kreatif, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka dalam penulisan karangan tidak berformat (Huei & Faridah, 2022). Selain itu, ketiadaan panduan pengajaran yang sistematik serta kekurangan alat bantu visual dan digital yang sesuai turut menyumbang kepada kelemahan dalam penulisan murid. Walaupun pendekatan seperti penggunaan peta pemikiran telah diperkenalkan bagi membantu murid menyusun idea, keberkesanannya amat bergantung kepada penyesuaian dengan konteks pembelajaran murid tempatan (Geoffrey, Norshamshizar, Dayang & Marlissa, 2024). Murid masih cenderung menghasilkan karangan yang tidak tersusun dan sukar difahami kerana kurangnya bimbingan berperingkat dalam membina struktur penulisan yang lengkap (Lydia & Khairul, 2022). Hal ini memperlihatkan keperluan terhadap suatu modul berstruktur yang menekankan proses penulisan secara sistematik dan berfasa.

Di samping itu, pelaksanaan KBAT dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun masih berada pada tahap yang rendah walaupun ia merupakan fokus utama dalam kurikulum kebangsaan (KPM, 2016). Kajian oleh Lu Yang (2024) menunjukkan bahawa PdP bahasa etnik, termasuk Bahasa Kadazandusun, masih berorientasikan pencapaian asas dan belum menekankan aspek analisis, penilaian serta penghasilan idea baharu dalam penulisan. Kekangan latihan profesional guru serta kekurangan bahan bantu belajar digital yang bersesuaian turut menjadi faktor penghalang kepada penerapan KBAT secara berkesan (Siti Sarah & Lilia, 2021). Keadaan ini menyebabkan penulisan murid bersifat literal dan tidak menunjukkan keupayaan reflektif mahupun analitikal yang tinggi. Tambahan pula, motivasi murid terhadap aktiviti penulisan juga rendah disebabkan bahan pengajaran yang kurang menarik dan tidak kontekstual dengan latar budaya Kadazandusun (Hasnah, Nurul & Simah, 2024). Kekurangan bahan bantu belajar yang relevan serta ketiadaan integrasi teknologi digital dalam PdP turut menjejaskan minat dan penglibatan aktif murid (Noor, Nooraihan & Normila, 2025). Keadaan ini menggambarkan jurang yang ketara antara keperluan sebenar murid dengan pendekatan pengajaran sedia ada. Kesimpulannya, pembangunan Modul ASSIDE dengan pendekatan *i-Bulugu* yang menggabungkan elemen digital interaktif dan kontekstual budaya Kadazandusun amat diperlukan. Modul ini dijangka dapat mengatasi kelemahan sedia ada dengan menyediakan peluang pembelajaran interaktif dan kolaboratif kepada murid serta modul panduan berstruktur kepada guru. Pendekatan berasaskan reka bentuk pengajaran sistematik ini berpotensi meningkatkan kemahiran menulis karangan tidak berformat, menggalakkan penerapan KBAT, dan memperkukuh motivasi murid melalui pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan kontekstual. Justeru, kajian ini penting untuk mengisi jurang penyelidikan dalam pembangunan modul pengajaran Bahasa Kadazandusun berasaskan integrasi digital selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

OBJEKTIF KAJIAN

Pada umumnya, kajian ini bertujuan meninjau keperluan pembangunan Modul ASSIDE dengan pendekatan I-BULUGU bagi meningkatkan pencapaian karangan tidak berformat.


SOALAN KAJIAN

Adakah terdapat keperluan bagi pembangunan Modul ASSIDE dengan pendekatan I-BULUGU bagi meningkatkan pencapaian karangan tidak berformat?

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibangunkan untuk memberi panduan sistematik dalam pembangunan Modul ASSIDE dengan pendekatan I-Bulugu bagi meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), dan motivasi pembelajaran murid Tahun Enam Bahasa Kadazandusun. Modul ASSIDE dibina melalui tindakan Model ASSURE (Heinich et al., 1996) dan Model SIDEK (Sidek Mohd Noah, 2002), berasaskan fasa-fasa utama ASSIDE, iaitu *Analyze Learner* mengenal pasti tahap keupayaan, gaya pembelajaran, dan motivasi murid untuk memastikan kandungan modul relevan dan bersesuaian dengan keperluan murid, *State Objective* menetapkan objektif pembelajaran secara jelas bagi mengarahkan pencapaian penulisan karangan, pengukuhan KBAT, dan motivasi pembelajaran, *Select Method, Media, Material* memilih strategi pengajaran, media, dan bahan interaktif termasuk I-Bulugu bagi memaksimumkan keberkesanan PdP, *Implement the Lesson* melaksanakan PdP secara interaktif untuk membolehkan murid meneroka pengetahuan secara sendiri dan kolaboratif, *Develop Engagement* menggalakkan penglibatan murid melalui aktiviti yang merangsang minat dan interaksi dan *Evaluate and Revise* menilai keberkesanan modul secara berterusan serta menambah baik kandungan dan strategi pedagogi. Kerangka ini disokong oleh tiga teori pembelajaran utama iaitu teori kognitif yang menekankan proses mental murid dalam memahami dan menyusun maklumat (Piaget, 1969), teori konstruktivisme, yang memberi fokus kepada pembelajaran aktif dan pengalaman murid dalam membina pengetahuan sendiri (Brooks & Brooks, 1999) dan teori behaviorisme, yang menekankan pengukuhan dan pengulangan untuk membentuk kemahiran asas (Skinner, 1957). Secara keseluruhan, Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual ini menghubungkan analisis keperluan murid, strategi pengajaran, dan teori pembelajaran, memastikan Modul ASSIDE dengan pendekatan I-Bulugu dibangunkan secara holistik, berkesan, dan relevan bagi meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat serta sokongan terhadap pembangunan KBAT dan motivasi pembelajaran murid.

REKA BENTUK PEMBANGUNAN MODUL ASSIDE:



Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian

BATASAN KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada analisis keperluan pembangunan Modul ASSIDE dengan pendekatan I-Bulugu dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun bagi murid Tahun Enam di tiga daerah pedalaman sahaja. Dapatan kajian terhad kepada kemahiran menulis karangan tidak berformat, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan motivasi pembelajaran, tanpa melibatkan kemahiran bahasa lain seperti mendengar, bertutur dan membaca. Analisis hanya bersifat deskriptif dan dilakukan dalam konteks mata pelajaran Bahasa Kadazandusun yang mengambil kira latar budaya serta linguistik etnik Kadazandusun. Faktor persekitaran sekolah, termasuk kesediaan teknologi, kemudahan TMK dan amalan PdP sedia ada turut mempengaruhi dapatan kajian. Selain itu, kajian ini hanya melibatkan fasa analisis keperluan dan tidak termasuk pembangunan serta pengujian keberkesanan modul secara empirikal.

SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas menunjukkan bahawa kemahiran menulis karangan tidak berformat dalam Bahasa Kadazandusun masih menjadi cabaran utama dalam kalangan murid sekolah rendah. Menurut Mohd Harman dan Alizah (2024), murid menghadapi kesukaran dalam menyusun idea, menggunakan kosa kata yang sesuai serta membina ayat gramatis kerana kekurangan modul pengajaran yang sistematik dan kontekstual. Tambahan pula, dapatan Viannie, Minah dan Mohd Norazmie (2025), mendapati kebanyakan guru masih menggunakan pendekatan tradisional berpusatkan guru yang mengehadkan penglibatan aktif murid dan tidak merangsang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada pembangunan modul pengajaran berasaskan reka bentuk instruksional yang dapat memperkukuh strategi PdPc menulis dalam bahasa etnik. Dalam konteks ini, model ASSURE (Heinich et al., 1996) dan SIDEK (Sidek Mohd Noah, 2002), menawarkan kerangka

teori yang saling melengkapi. Model ASSURE menekankan analisis pelajar, pemilihan strategi, media dan bahan pengajaran serta penilaian berterusan, manakala Model SIDEK memberi fokus kepada pembangunan modul yang sah, berstruktur dan boleh diuji keberkesannya. Penindasan kedua-dua model ini mewujudkan asas yang kukuh bagi pembangunan Modul ASSIDE, iaitu modul yang bukan sahaja sistematik dari segi reka bentuk instruksional tetapi juga sah dari segi kesahan kandungan dan kebolegunaan empirikal. Kajian oleh Azlina, Ruzita dan Fazaliana (2025), menunjukkan bahawa modul berasaskan reka bentuk pengajaran meningkatkan motivasi dan pembelajaran sendiri murid. Sementara itu, Constantine dan Norjieta (2025), menekankan kepentingan pengintegrasian elemen budaya dan bahasa tempatan dalam modul bahasa ibunda bagi memperkukuh identiti linguistik murid. Justeru, Modul ASSIDE yang berasaskan strategi ORBIT serta pendekatan I-Bulugu menggabungkan teori Kognitif, Konstruktivisme dan Behaviorisme bagi membentuk pengalaman pembelajaran yang aktif, reflektif dan mesra digital. Secara keseluruhannya, jurang penyelidikan yang wujud dalam pembangunan modul berasaskan integrasi model reka bentuk pengajaran dan teori pembelajaran menunjukkan keperluan kepada Modul ASSIDE sebagai inovasi pedagogi yang dapat meningkatkan motivasi, KBAT dan kecekapan menulis murid, serta memperkukuh kedudukan Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa ilmu yang relevan dengan pendidikan abad ke-21.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian pembangunan modul yang berasaskan tindakan model reka bentuk instruksional ASSURE dan SIDEK, yang dinamakan Modul ASSIDE. Fasa ini memfokuskan kepada analisis keperluan, yang bertujuan menentukan tahap kesediaan, keutamaan, dan kesesuaian pembangunan modul sebagai intervensi pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun Tahun Enam. Analisis keperluan ini penting bagi mengenal pasti masalah sebenar dalam pelaksanaan PdP, jurang kemahiran menulis murid, serta keperluan instruksional guru dan pelajar yang menjadi asas kepada pembangunan modul. Seperti yang ditegaskan oleh Nur Adillah, Abdul dan Syaubari (2024), analisis keperluan merupakan langkah asas dalam menjamin pembangunan modul yang berpaksikan keperluan sebenar PdP. Selain itu, Syed, Nur Shakila dan Khairul (2025), analisis keperluan merupakan fasa asas yang penting dalam pembangunan modul pembelajaran kerana membantu menetapkan matlamat, keutamaan, serta reka bentuk intervensi yang tepat. Analisis keperluan juga dapat mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran sebenar guru, sekali gus memastikan modul yang dibangunkan bersesuaian dengan konteks PdP semasa serta menyokong pelaksanaan fasa pembangunan seterusnya dengan lebih berfokus (Syed, Nur Shakila dan Khairul, 2025). Kajian menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk fasa pembangunan seterusnya. Fasa kajian keperluan ini dilaksanakan selama tiga bulan, iaitu dari Januari hingga Mac 2025, melibatkan tiga daerah di pedalaman Sabah iaitu di daerah Keningau, Tambunan dan Tenom yang aktif melaksanakan pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Seramai 120 murid Tahun Enam dan 90 guru Bahasa Kadazandusun telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi memastikan representasi populasi yang seimbang. Pemilihan lokasi dan sampel dibuat berdasarkan kesesuaian konteks luar bandar yang berhadapan dengan kekangan BBB serta keperluan terhadap inovasi PdP bahasa etnik.

Fasa I Analisis Keperluan Pembangunan Modul ASSIDE

Fasa pertama kajian ini melibatkan analisis keperluan bagi menentukan sama ada pembangunan Modul ASSIDE wajar diteruskan berdasarkan keperluan sebenar PdP Bahasa Kadazandusun. Fasa ini bertujuan mengenal pasti keperluan kumpulan sasaran bagi menentukan fokus dan skop pembangunan modul. Dalam fasa ini, penyelidik menggunakan empat jenis instrumen, iaitu soal selidik tahap kesukaran kemahiran bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun untuk murid, soal selidik tahap kesukaran kemahiran bahasa untuk guru, soal selidik maklum balas PdP Bahasa Kadazandusun, dan ujian pencapaian penulisan karangan tidak berformat. Instrumen soal selidik terdiri daripada beberapa bahagian yang menilai latar belakang responden serta aspek keperluan modul dari segi kandungan, pedagogi, dan pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi. Setiap item diukur menggunakan skala Likert lima mata. Penggunaan instrumen ini bertujuan menilai jurang antara tahap kemahiran sedia ada dengan keperluan pembelajaran sebenar murid serta mengenal pasti cabaran PdP yang dihadapi oleh guru. Proses pengumpulan data dijalankan dalam dua peringkat utama. Peringkat pertama melibatkan tinjauan awal melalui temu bual separuh struktur dengan lima orang guru Bahasa Kadazandusun di lima buah sekolah luar bandar. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti

cabaran sebenar dalam pelaksanaan PdP, termasuk tahap kemahiran menulis murid, kesesuaian BBM, serta kekangan pelaksanaan kurikulum. Peringkat kedua pula ialah kajian keperluan pembangunan, yang melibatkan 120 murid dan 90 guru untuk memperoleh data empirikal berkaitan keperluan normatif dan keperluan rasa terhadap kemahiran menulis karangan tidak berformat. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Perisian SPSS Versi 30 melalui statistik deskriptif (min, peratusan dan sisihan piawai) bagi mengenal pasti pola keperluan dan kesukaran dalam PdP. Dapatan daripada analisis ini digunakan bagi menentukan komponen kandungan, strategi pengajaran, serta pendekatan I-Bulugu yang sesuai untuk pembangunan Modul ASSIDE. Jadual 1 menunjukkan proses kajian ini dijalankan secara sistematik mengikut tiga fasa analisis keperluan pembangunan modul.

Jadual 1. Fasa Analisis Keperluan Pembangunan Modul ASSIDE

<p>Fasa I: Meneroka (<i>Explore "what is"</i>)</p>	<p>Fasa ini bertujuan mengenal pasti keperluan kumpulan sasaran bagi menentukan fokus dan skop keperluan. Pada tahap ini, penyelidik menjalankan temu bual dengan lima orang guru Bahasa Kadazandusun untuk mendapatkan gambaran awal tentang isu dan cabaran PdP Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Fasa ini juga bertujuan mewujudkan hubungan positif dengan pihak sekolah bagi melancarkan pelaksanaan fasa seterusnya.</p>
<p>Fasa II: Mengumpul dan Menganalisis Data (<i>Gather and Analyze Data</i>)</p>	<p>Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada fasa pertama, penyelidik mengenal pasti kumpulan sasaran dan masalah utama yang perlu ditangani. Data dikumpul melalui soal selidik tahap kesukaran kemahiran bahasa, soal selidik maklum balas PdP, dan ujian penulisan karangan tidak berformat. Hasil dapatan dianalisis bagi mengenal pasti sebab, punca serta pola keperluan sebenar murid dan guru. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 30.</p>
<p>Fasa III: Membuat Keputusan (<i>Make Decisions</i>)</p>	<p>Fasa ini menumpukan kepada penentuan keutamaan masalah dan bentuk intervensi yang sesuai. Berdasarkan hasil analisis keperluan, penyelidik merumuskan elemen kandungan dan strategi pengajaran yang akan diaplikasikan dalam pembangunan Modul ASSIDE sebagai instrumen rawatan bagi menangani masalah PdP yang dikenal pasti.</p>

(Diadaptasi dari Witkin dan Altschuld, 1995.)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian bagi demografi responden iaitu seramai 90 orang guru terlibat sebagai responden kajian ini. Dari segi jantina, bilangan guru lelaki dan perempuan adalah seimbang iaitu masing-masing 50%. Majoriti responden berumur antara 21 hingga 30 tahun (40%), menunjukkan dominasi guru muda dalam kajian ini. Dari aspek etnik, responden kajian terdiri daripada dua kumpulan utama iaitu Dusun 50% dan Kadazandusun 50%. Tiada responden daripada etnik Murut atau etnik lain yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan ini menunjukkan taburan etnik responden adalah seimbang antara dua subetnik utama penutur Bahasa Kadazandusun. Dari segi tempoh perkhidmatan, kebanyakan guru mempunyai pengalaman antara 5 hingga 10 tahun (40%), manakala selebihnya kurang daripada 5 tahun atau lebih daripada 15 tahun. Majoriti responden berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (70%), diikuti Diploma (20%) dan Sarjana (10%). Bagi opsyen pengajaran, kebanyakan guru berlatarkan Bahasa Melayu (60%), manakala hanya 10% dalam opsyen Bahasa Kadazandusun. Kesemua responden merupakan guru tetap (100%), menunjukkan tahap profesionalisme dan komitmen tinggi terhadap pelaksanaan PdP Bahasa Kadazandusun.

Jadual 2. Latar Belakang Responden (Guru)

Latar Belakang Responden		Frekuensi (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	45	50
	Perempuan	45	50
Umur	21 hingga 30 tahun	36	40
	31 hingga 40 tahun	26	28.9
	41 hingga 50 tahun	25	27.8
	51 hingga 60 tahun	3	3.3
Bangsa	Kadazan	45	50
	Dusun	45	50
	Murut	0	0
	Lain-lain	0	0
Tempoh Perkhidmatan	Kurang 5 tahun	18	20
	5 hingga 10 tahun	36	40
	15 hingga 20 tahun	18	20
	Lebih 30 tahun	18	20
Taraf Pendidikan	STPM/DIPLOMA	18	20
	Sarjana Muda	63	70
	Sarjana	9	10
Mata Pelajaran Major	Bahasa	9	10
	Kadazandusun	54	60
	Bahasa Melayu	9	10
	Sains	9	10
	Sejarah	9	10
Status Perkhidmatan	PJKP		
	Guru Tetap	90	100

Manakala, Jadual 3-pula memaparkan statistik demografi kategori murid bagi instrumen soal selidik Tahap kesukaran kemahiran bahasa dalam Bahasa Kadazandusun. Seramai 120 orang murid terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Dari segi jantina, seramai 62 orang lelaki (51.7%) dan 58 orang perempuan (48.3%), menunjukkan penyertaan yang hampir seimbang antara kedua-dua jantina. Semua murid berumur 12 tahun (100%), sejajar dengan sasaran kajian yang melibatkan murid Tahun Enam. Dari aspek etnik, murid yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada dua kumpulan etnik utama, iaitu kaum Dusun seramai 60 orang (50%) dan Kadazandusun seramai 60 orang (50%). Tiada murid daripada etnik Murut atau etnik lain yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan ini menunjukkan taburan etnik murid adalah seimbang antara dua kumpulan penutur Bahasa Kadazandusun. Berdasarkan keputusan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, dapatan menunjukkan bahawa majoriti murid memperoleh Gred D (59.2%) diikuti oleh Gred E (34.2%), manakala hanya sebilangan kecil memperoleh Gred C (5.0%) dan Gred B (1.7%). Secara keseluruhan, pencapaian ini menggambarkan bahawa tahap penguasaan murid terhadap Bahasa Kadazandusun masih berada pada tahap sederhana dan rendah. Keadaan ini memperlihatkan keperluan untuk membangunkan modul pengajaran yang lebih berkesan, khususnya dalam aspek penulisan karangan tidak berformat bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menulis murid.

Jadual 3. Latar Belakang Responden (Murid)

Latar Belakang Responden		Frekuensi (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	62	51.7
	Perempuan	58	48.3
Umur	12 tahun	120	100
Bangsa	Kadazan	60	50
	Dusun	60	50
	Murut	0	0
Pencapaian BKD (Gred UASA semasa berada di Tahun Lima)	Gred B	2	1.7
	Gred C	6	5.0
	Gred D	71	59.2
	Gred E	41	34.2

Tahap kesukaran kemahiran bahasa dalam Bahasa Kadazandusun

Berdasarkan jadual 4 pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa Kemahiran Menulis Standard Kandungan (SK) 3.3 iaitu menghasilkan penulisan tidak berformat secara koheren dan kohesi merupakan kemahiran yang paling sukar dalam SK Bahasa Kadazandusun tahun enam. Responden guru dan murid mempunyai persepsi yang sama tentang kesukaran kemahiran bahasa iaitu dengan nilai min guru sebanyak 4.51. manakala min murid pula adalah sebanyak 4.57. Kemahiran kedua sukar dari persepsi guru dan murid adalah pula adalah SK 3.2 iaitu menulis ayat yang betul dari segi struktur dan ejaan dengan nilai min 3.61 untuk guru dan 3.69 untuk murid. Manakala kemahiran yang ketiga sukar pula adalah SK 5.3 iaitu membina kata yang pelbagai dan tepat untuk digunakan dalam perbualan dan penulisan dengan min 3.57 untuk guru dan 3.63 untuk murid. Jadual 4 juga turut menunjukkan bahawa majoriti guru menganggap kemahiran menulis karangan sebagai kemahiran yang sangat sukar dengan nilai mod 5 dan majoriti murid juga berpendapat kemahiran menulis karangan yang sukar dengan nilai mod 5.

Jadual 4. Rumusan data tahap kesukaran kemahiran bahasa dalam Bahasa Kadazandusun

Kemahiran/ Standard Kandungan	Tahap Kesukaran					
	Guru			Murid		
	Min	Sisihan Piawai	Mod	Min	Sisihan Piawai	Mod
1.0 Kemahiran Mendengar dan Bertutur (<i>Kabaalan Mokinongou Om Maboros.</i>)						
1.1 Mengenal bunyi bahasa/kata/cakap daripada teks yang didengar.	2.62	.488	3	2.64	.547	3
1.2 Menyebut bahasa/kata/cakap dengan sebutan dan intonasi yang betul.	2.71	.456	3	2.57	.498	3
1.3 Mendengar untuk menilai serta memberi respons terhadap pengetahuan yang diperoleh daripada pelbagai jenis teks.	2.69	.466	3	2.65	.479	3
1.4 Menyampaikan semula pengetahuan yang telah didengar atau dilihat.	2.56	.500	3	2.59	.494	3
1.5 Berkomunikasi menggunakan bahasa/kata/cakap yang betul, ayat gramatis, dan gaya tutur yang sesuai.	2.52	.502	3	2.59	.494	3
2.0 Kemahiran Membaca (<i>Kabaalan Mambasa</i>)						
2.1 Menyebut bunyi berdasarkan struktur ayat.	2.63	.570	3	2.68	.470	3
2.2 Melafazkan bahasa/kata/cakap dengan sebutan yang tepat.	2.56	.500	3	2.64	.482	3
2.3 Memperoleh dan melengkapkan pengetahuan daripada teks.	2.67	.474	3	2.58	.495	3
2.4 Menyampaikan semula pengetahuan yang telah dibaca.	2.59	.495	3	2.53	.501	3
3.0 Kemahiran Menulis (<i>Kaabalan Monuat</i>)						
3.1 Menghasilkan bahasa/kata/cakap secara bertulis.	2.96	.207	3	2.55	.500	3
3.2 Menulis ayat yang betul dari segi struktur dan ejaan.	3.61	.612	4	3.69	.632	4
3.3 Menghasilkan penulisan tidak berformat secara koheren dan kohesi.	4.51	.503	5	4.57	.498	5
4.0 Aspek Seni Bahasa (<i>Aspek Kolumison Boros</i>)						
4.1 Menghargai dan memelihara identiti kaum Kadazan dan Dusun.	2.50	.503	2	2.97	.180	3
4.2 Menyampaikan bahasa/kata/cakap warisan turun-temurun masyarakat.	2.61	.490	3	2.52	.502	3
4.3 Meneruskan penyampaian pengetahuan tradisi kaum Kadazan dan Dusun.	2.56	.500	3	2.63	.486	3
4.4 Menilai dan memartabatkan warisan budaya masyarakat Kadazan dan Dusun.	2.63	.485	3	2.63	.486	3

5.0 Aspek Tatabahasa (<i>Aspek Puralan Boros</i>)						
5.1 Memahami struktur dan ejaan Bahasa Kadazandusun.	2.58	.497	3	2.70	.460	3
5.2 Menggunakan pelbagai jenis kumpulan kata dalam perbualan dan penulisan.	2.90	.302	3	2.67	.473	3
5.3 Membina kata yang pelbagai dan tepat untuk digunakan dalam perbualan dan penulisan.	3.57	.671	3	3.63	.636	3
5.4 Membina ayat yang pelbagai, betul dan gramatis dalam perbualan dan penulisan.	2.68	.470	3	2.86	.539	3
5.5 Menggunakan bentuk bilangan yang tepat dalam perbualan dan penulisan.	3.27	.684	3	2.78	.458	3
5.6 Menggunakan peribahasa dalam konteks penulisan yang sesuai.	2.90	.562	3	2.76	.467	3

Analisis Maklum balas PdP penulisan karangan tidak berformat

Merujuk kepada Jadual 5, analisis soal selidik PdP kemahiran menulis karangan tidak berformat bertujuan mengenal pasti keperluan dan persepsi murid terhadap penulisan Bahasa Kadazandusun berdasarkan empat konstruk utama. Dapatan menunjukkan konstruk perasaan terhadap aktiviti menulis (min=3.585) berada pada tahap sederhana, menandakan minat wujud tetapi kemahiran menulis bebas masih terbatas. Konstruk kefahaman struktur karangan dan pengolahan idea (min=2.90) turut sederhana, mencerminkan keperluan bimbingan sistematik dalam penyusunan isi dan kohesi perenggan. Seterusnya, kemahiran berfikir aras tinggi (min=2.484) menunjukkan kelemahan dalam penerapan pemikiran kritikal dan kreatif semasa menulis. Namun, keyakinan terhadap penggunaan bahan bantu belajar (min=3.823) adalah tinggi, membuktikan penerimaan positif terhadap peta pemikiran dan aplikasi digital. Secara kritikal, dapatan ini menegaskan keperluan intervensi pengajaran yang berstruktur. Justeru, pembangunan Modul ASSIDE berpotensi memperkukuh kefahaman, pengolahan idea serta kemahiran berfikir aras tinggi murid dalam penulisan karangan tidak berformat.

Jadual 5. Rumusan data soal selidik maklum balas PdP penulisan karangan tidak berformat mengikut konstruk

Bil	Konstruk	Min	Sisihan Piawaian
1	Perasaan terhadap Menulis Karangan Tidak Berformat	3.585	.275
2	Kefahaman terhadap Struktur dan Pengolahan Idea	2.90	.233
3	Kemahiran Berfikir (KBAT) dalam Penulisan Karangan	2.484	.216
4	Keyakinan terhadap Bahan Bantu Belajar (Peta Pemikiran dan Aplikasi Digital)	3.823	.236

Analisis ujian penulisan karangan tidak berformat dan tahap penguasaan murid

Ujian penulisan karangan tidak berformat telah disemak dengan merujuk kepada skema pemarkahan yang telah disediakan oleh penyelidik. Markah setiap murid dikira untuk mengenal pasti tahap penguasaan mereka berdasarkan julat markah yang ditetapkan. Jadual 6 menunjukkan rumusan data markah ujian penulisan karangan tidak berformat dan tahap penguasaan mereka dalam kemahiran menulis karangan. Berpandukan jadual 6 jelas menunjukkan bahawa majoriti murid iaitu sebanyak 90 peratus mempunyai tahap penguasaan yang rendah dalam kemahiran menulis karangan. Seramai 54 daripada 60 orang murid telah memperoleh julat markah antara 0-19 peratus. Hanya 3.3 peratus murid mempunyai tahap penguasaan penulisan karangan yang memuaskan sahaja. Dapatan juga menunjukkan bahawa tiada murid yang mencapai tahap penguasaan yang cemerlang dalam kemahiran menulis karangan tidak berformat.

Jadual 6. Rumusan markah ujian penulisan karangan tidak berformat dan tahap penguasaan murid

Julat Markah (%)	Tahap Penguasaan	Gred	Tafsiran Gred	Jumlah Murid	Peratus (%)
82-100	Cemerlang	A	Cemerlang	0	0
66-81	Sangat Baik	B	Kepujian	0	0
50-65	Baik	C	Baik	0	0
35-49	Memuaskan	D	Memuaskan	2	3.3
20-34	Terhad	E	Mencapai Tahap Minimum	4	6.7
0-19	Sangat Terhad	F	Belum Mencapai Tahap Minimum	54	90
Jumlah				60	100

Dapatan analisis keperluan menunjukkan wujudnya keperluan mendesak untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan tidak berformat dalam kalangan murid sekolah kebangsaan di Zon Pedalaman, Sabah. Majoriti guru dan murid menganggap kemahiran ini sukar, selaras dengan keputusan ujian yang menunjukkan pencapaian murid yang rendah. Murid turut melaporkan tahap keperluan dan minat yang rendah terhadap PdP penulisan karangan tidak berformat, namun menyatakan keperluan kepada sokongan multimedia interaktif bagi memahami struktur penulisan dan pengolahan idea. Walaupun guru telah menggunakan perisian multimedia, kebanyakannya tidak selaras dengan standard kandungan Bahasa Kadazandusun Tahun Enam. Oleh itu, pembangunan modul berbantuan multimedia interaktif ini difokuskan kepada standard kandungan Bahasa Kadazandusun Tahun Enam, khususnya bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan tidak berformat.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini secara jelas menunjukkan bahawa kemahiran menulis karangan tidak berformat dalam Bahasa Kadazandusun (SK 3.3) merupakan aspek yang paling mencabar dalam keseluruhan kemahiran bahasa, dengan nilai min yang tertinggi bagi guru (4.51) dan murid (4.57). Kesukaran ini tidak hanya bersifat linguistik, tetapi berpunca daripada kelemahan sistemik dalam reka bentuk PdP. Sebahagian besar guru melaporkan bahawa tiada bahan bantu atau modul yang disusun secara sistematik bagi membimbing murid melalui proses pramenulis, menulis, dan pascamenulis. Keadaan ini menyebabkan murid berdepan kesukaran menghasilkan karangan yang koheren, bernilai idea dan berstruktur. Seperti yang ditegaskan oleh Low dan Zamri (2024), PdP kemahiran menulis memerlukan pendekatan berfasa yang berpaksikan strategi berfikir dan bukan hanya aktiviti meniru bentuk karangan sedia ada. Analisis maklum balas PdP turut memperkukuh keperluan ini. Walaupun murid menunjukkan tahap keyakinan tinggi terhadap penggunaan bahan bantu digital (min=3.823), kefahaman terhadap struktur karangan dan pengolahan idea masih sederhana (min=2.90), manakala kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mencatat min terendah (2.484). Dapatan ini memperlihatkan jurang antara motivasi terhadap teknologi dengan penguasaan kognitif sebenar dalam menulis. Esther dan Ruhizan (2024), menjelaskan bahawa teknologi tanpa reka bentuk pedagogi yang berstruktur tidak mampu meningkatkan kemahiran aras tinggi, sebaliknya hanya mencetus minat sementara. Dalam konteks ini, keperluan kepada modul seperti ASSIDE menjadi kritikal kerana ia bukan sahaja mengintegrasikan teknologi dan peta pemikiran, tetapi juga membimbing murid melalui proses kognitif menulis yang progresif dan reflektif.

Selain itu, keputusan ujian penulisan karangan tidak berformat menunjukkan 90% murid berada pada tahap penguasaan sangat terhad, manakala tiada murid mencapai tahap cemerlang. Hal ini membuktikan bahawa PdP sedia ada gagal menyediakan strategi sokongan yang mencukupi bagi membentuk kemahiran menulis yang bersifat analitik dan kreatif. Marzni, Nur Mimi dan Marni (2025), menegaskan bahawa kelemahan utama pelajar dalam penulisan bahasa ibunda berpunca daripada kekurangan panduan semasa peringkat prapenulisan, iaitu peringkat paling penting dalam pembentukan idea dan struktur wacana. Maka, Modul ASSIDE diperlukan bagi mengisi kekosongan ini melalui integrasi model ASSURE dan SIDEK yang menekankan analisis keperluan, reka bentuk berasaskan objektif, penggunaan media interaktif serta penilaian formatif berterusan.

Tambahan pula, analisis tahap kesukaran guru menunjukkan kemahiran menulis merupakan aspek paling sukar (mod=5) menunjukkan wujudnya keperluan latihan profesional berasaskan modul. Yin, Fong dan Yin (2025), menyatakan bahawa keberkesanan PdP bahasa minoriti sangat bergantung kepada kebolehan guru merancang pengalaman pembelajaran yang kontekstual dan menyeluruh. Tanpa modul yang berpandukan teori reka bentuk instruksional, guru cenderung menggunakan pendekatan tradisional yang menumpukan pada hafalan bentuk karangan, bukan kepada pemikiran dan ekspresi idea. Justeru, pembangunan Modul ASSIDE bukan sahaja berperanan sebagai bahan sokongan murid, tetapi juga sebagai alat bimbingan pedagogi untuk guru dalam merancang, melaksana dan menilai aktiviti menulis secara sistematik. Secara kritikal, keperluan terhadap pembangunan Modul ASSIDE muncul daripada kejanggalaan antara keperluan sebenar murid dengan strategi PdP yang diamalkan. Modul ini berpotensi menjadi intervensi berkesan dengan menggabungkan elemen peta pemikiran, teknologi interaktif dan bimbingan berfasa, yang membolehkan murid menghubungkan, mengorganisasi dan menilai idea secara lebih tersusun. Pendekatan ini dapat memperkukuh kohesi, koheren dan kreativiti dalam karangan, serta meningkatkan keupayaan berfikir aras tinggi dalam kalangan murid Bahasa Kadazandusun.

IMPLIKASI

Dapatan analisis keperluan menunjukkan keperluan mendesak terhadap pembangunan Modul ASSIDE sebagai intervensi pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan tidak berformat dalam Bahasa Kadazandusun. Secara kritikalnya, kelemahan murid dalam aspek kohesi, koheren, dan pengolahan idea mencerminkan kekurangan PdP sedia ada yang terlalu berpusat kepada guru dan tidak menekankan strategi kognitif serta reflektif. Oleh itu, Modul ASSIDE perlu dibangunkan berasaskan tindakan model ASSURE dan SIDEK bagi memastikan reka bentuk instruksional yang sistematik, adaptif dan berpaksikan pembelajaran aktif (Heinich et al., 2019; Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Implikasinya terhadap PdP guru amat signifikan kerana modul ini boleh berfungsi sebagai panduan pengajaran berstruktur, berasaskan teknologi dan strategi kognitif. Penerapan pendekatan visual seperti peta minda serta integrasi digital dapat memperkukuh keupayaan guru membimbing murid menulis secara kreatif dan reflektif. Dapatan ini turut menyokong pandangan Yin, Fong dan Yin (2025), bahawa pembangunan profesional guru bahasa etnik perlu berasaskan pedagogi adaptif dan kontekstual. Dari perspektif murid, Modul ASSIDE memberi peluang kepada mereka untuk menguasai kemahiran menulis melalui strategi berfikir aras tinggi, pembelajaran kolaboratif dan sokongan visual. Secara menyeluruh, pembangunan modul ini bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga memperkukuh kedudukan Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa ilmu yang moden, dinamik dan selaras dengan aspirasi pendidikan abad ke-21.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan kajian lanjutan menekankan keperluan pembangunan dan penilaian keberkesanan Modul ASSIDE dengan pendekatan I-BULUGU dalam konteks PdP Bahasa Kadazandusun secara lebih meluas dan jangka panjang, termasuk impak terhadap kemahiran menulis karangan tidak berformat, KBAT, serta motivasi murid. Secara praktikal, modul ini boleh diperkaya dengan aktiviti berstruktur seperti menjana idea melalui peta I-BULUGU, menyusun dan mengembangkan isi setiap cabang menjadi perenggan lengkap, serta aktiviti penilaian rakan sebaya yang membolehkan murid memperbaiki karangan berdasarkan maklum balas. Guru boleh mengintegrasikan peta I-BULUGU dalam satu sesi PdP melalui langkah sistematik seperti pengenalan topik, pengisian peta, pengembangan karangan, bimbingan individu, dan penilaian reflektif, sekali gus menyediakan panduan visual dan berfasa untuk membimbing murid menyusun idea secara koheren dan kreatif. Pendekatan ini bukan sahaja dijangka meningkatkan keberkesanan pembelajaran, tetapi juga menawarkan model pedagogi inovatif yang menyepadukan teknologi, budaya, dan strategi pengajaran berasaskan reka bentuk sistematik, sesuai dengan tuntutan pendidikan abad ke-21.

RUMUSAN

Kajian ini merumuskan bahawa tahap penguasaan murid dalam kemahiran menulis karangan tidak berformat Bahasa Kadazandusun masih rendah, meskipun majoriti merupakan penutur jati. Keadaan ini berpunca daripada kekurangan guru opsyen Bahasa Kadazandusun, pendekatan PdPc yang tidak sistematik, serta ketiadaan bahan sokongan yang interaktif dan selaras dengan standard kandungan kurikulum. Selain itu, kemahiran menulis didapati sebagai aspek paling sukar dikuasai berbanding kemahiran bahasa lain, sekali gus menuntut intervensi pengajaran yang lebih berkesan dan berstruktur. Oleh itu, keperluan untuk membangunkan Modul ASSIDE amat mendesak. Modul ini, yang berasaskan tindakan Model ASSURE dan SIDEK serta diperkaya dengan inovasi peta pemikiran, berpotensi mengatasi kekangan PdP sedia ada dengan menyediakan panduan instruksional yang sistematik, interaktif dan mesra pengguna. Pembangunan modul ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan guru dalam mengurus PdPc bahasa etnik, tetapi juga membantu murid membina kemahiran menulis secara kreatif, koheren dan bermakna. Secara keseluruhannya, Modul ASSIDE diharapkan menjadi instrumen pedagogi baharu yang menyokong usaha memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama atas bimbingan serta panduan ilmiah sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada pihak universiti atas sokongan akademik dan kemudahan penyelidikan yang disediakan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, serta pihak sekolah yang terlibat atas keizinan dan kerjasama sepanjang proses pengumpulan data. Tidak dilupakan, penghargaan kepada semua guru dan murid yang telah memberikan komitmen dan sokongan dalam menayakan kajian ini.

CONFLICT OF INTEREST

The authors declare no conflicts of interest.

AUTHORS CONTRIBUTION

Author 1.: Conceptualization, Module, Methodology, Investigation, Data Curation, Visualization, Investigation, Writing – Original Draft. **Author 2.:** Supervision, Validation, Writing – Review & Editing.

AVAILABILITY OF DATA AND MATERIALS

Data available within the article or its supplementary materials.

DECLARATION OF GENERATIVE AI

The authors declare that no generative AI was used in the writing of the manuscript.

RUJUKAN

- Azlina Binti Hassan, Ruzita Binti Md Yusoff dan Fazaliana Binti Zamzuri. (2025). Transformasi Pembelajaran Konsep Momen Daya melalui Pendekatan Hands-On: Inovasi Moment Kit Board di PTSB. *Journal on Technical and Vocational Education*, 10(2), 909-923. <https://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/article/view/719>
- Brooks, J. G., & Brooks, M. G. (1999). In search of understanding: The case for constructivist classrooms. In *Association for Supervision and Curriculum Development*. Sage Publications.
- Citra Ayu M.P.d. (2024). *Kemampuan Menulis Short Esei*, Berbasis Reflecting Teaching.

- Constantine Walter dan Norjietta Taisin. (2025). Integrasi kearifan tempatan perubatan tradisional Kadazandusun dalam pendidikan Bahasa [The integration of Kadazandusun traditional medical indigenous knowledge in language education]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 204-214. <https://doi.org/10.33306/mjssh/375>
- Esther Emma anak Ajang, Ruhizan Mohammad Yasin. (2024). Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Interaktif dalam Meningkatkan Motivasi serta Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Fizik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002469-e002469. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2469>
- Fong Peng Chew dan Saidatul Aliah Amir. (2023). Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Satu: Level of Literacy in Writing Skills in the Malay Language among Year One Pupils. *PENDETA*, 14(1), 74-87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>
- Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil, Dayang Suraya Awang Hidup, Marlissa Omar (2024). Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan: Cabaran Guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 8(1), 49-67. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v8i1.7454>
- Hasnah Hassan, Nurul Haniza Samsudin, Simah Mamat. (2024). Mensintesis Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Bmpk. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 115-139. <https://doi.org/10.22452/melayusedunia.vol7no1.8>
- Heinich, R. (1996). *Instructional media and technologies for learning* (5th ed.). Merrill.
- Huei Shin Low dan Faridah Mydin Kuty. (2022). Keberkesanan Think-Pair-Share Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia Sekolah SJK (C). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001517-e001517. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1517>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan Digital*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah Dan Jane Wong Kon Ling (2023). Peranan Pemimpin Dalam Pembangunan Kurikulum Bahasa Kadazandusun (BKD): *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 8(1), 321-334. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/38629>
- Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah, Bilcher Bala, Jane Wong Kon Ling. (2021). Persediaan Awal Latihan Guru Bahasa Kadazandusun Di Institut Pendidikan Guru Malaysia (2011–2014). *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 7(1).
- Low Jie Ying, Zamri Mahamod. (2024). Strategi Dan Cabaran Pengajaran Kemahiran Membaca Yang Digunakan Oleh Guru Bahasa Melayu Dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Tahap 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 117-137. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/381/255>
- Lu Yang. (2024). A comprehensive review: Exploring educators' insights on cultivating critical thinking ability among secondary school students in english writing instruction in china. *International Journal of Education and Research*, 12(1), 49-66. <https://ijern.com/journal/2024/January-2024/05.pdf>
- Lydia Jakarta dan Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 340-352. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/629>
- Marbella Binti Justine dan Norjietta Taisin (2019). Efficiency Of Learning Software 'Sinding Pimato'Towards Reading Achievement Of Kadazandusun Language For Year One Pupils. *International Journal of Social Sciences and Humanities Invention*, 6(3), 5365-5369. [10.18535/ijsshi/v6i3.04](https://doi.org/10.18535/ijsshi/v6i3.04)
- Marzni Mohamed Mokhtar, Nur Mimi Marina Mohd Radzuan, & Marni Jamil. (2025). Keberkesanan Pengaplikasian Model Penanda Wacana, Kata Bantu Dan Keterangan (PWKBKK) Bahasa Melayu Terhadap Penguasaan Kemahiran Menulis Ayat Dan Perenggan Dalam Kalangan Murid Tahun Empat di Selangor. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.3.2025>
- Masnih Mustapa dan Nurilma Ambo. (2025). Transformasi Pembelajaran Melalui Gamifikasi: Kajian Keberkesanan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar CTU10. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(3), 1-13. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.228>
- Mohd Harman Md. Rodzi, Alizah Lambri. (2024). Persepsi Murid Tahap 2 Terhadap Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah (Perception of Level 2 Students towards Malay Language Composition Learning in Primary School). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 208-215. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/392/261>

- Noor Anida Awang, Nooraihan Ali dan Normila Noruddin @ Che Ahmad (2025). Sorotan Literatur Cabaran dan Strategi Memperkasakan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/629>
- Norjietta Taisin. (2012). *Kesediaan guru bahasa Kadazandusun terhadap penggunaan pakej perisian dalam pengajaran dan pembelajaran: satu tinjauan di beberapa buah sekolah rendah daerah Tamparuli, Sabah*. UPSI. <https://gaexcellence.com/ijepc/article/view/2929/2596>
- Nur Adillah Ramly, Abdul Halim Masnan dan Syaubari Othman. (2024) Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik analisis keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Pendidikan Akhlak untuk guru prasekolah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(1), 97-108. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.1.9.2024>
- Piaget, J. (1969). *The theory of stages in cognitive development* (C. University, Ed.). McGraw-Hill.
- Sidek M. Noah. (2002). *Research design: Philosophy, theory and practice*. Serdang: FPP publication.
- Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Sarah Muhammad Raflee & Lilia Halim. (2021). The effectiveness of critical thinking in improving skills in KBAT problem solving: keberkesanan pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah KBAT. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(1), 60-76. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.1.6.2021>
- Skinner, B. F. (1957). *Verbal behavior*. Appleton-Century-Crofts.
- Syed Mohd Najib Syed Yahya, Nur Shakila Mazalan, Khairul Azhar Jamaludin. (2025). Analisis Keperluan Guru Bukan Opsyen terhadap Pembangunan Modul Pembelajaran Mudah Alih bagi Pengajaran Pendidikan Jasmani. *e-BANGI Journal*, 22(3). 10.17576/ebangi.2025.2203.37
- Viannie Tonggurutom, Minah Sintian dan Mohd. Norazmie Mohd. Yusof. (2025). Pembangunan media e-lagu untuk pengayaan kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah luar bandar. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 86-102. <https://doi.org/10.33306/mjssh/354>
- Witkin, B. R., & Altschuld, J. W. (1995). *Planning and conducting needs assessments: A practical guide*. Sage.
- Yin Yiun Lee, Fong Peng Chew dan Yin Yin Yeoh. (2025). Hubungan antara Sikap dengan Niat Pembelajaran Bahasa Cina di Serian, Sarawak. *e-BANGI Journal*, 22(3).